



**PEJABAT DAERAH DAN TANAH  
PENDANG 06700 PENDANG  
KEDAH DARUL AMAN**

**TEL: 04-7028444 / 04-7028448 FAKS : 04-7028442**

**EMAIL : pdp@kedah.gov.my**

**IKLAN JAWATAN KOSONG**

Pemohon-pemohon adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia, keutamaan kepada Rakyat Negeri Kedah Darul Aman yang berkelayakan dan berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan untuk mengisi kekosongan jawatan tetap di Pejabat Daerah Dan Tanah Pendang.

| BIL | JAWATAN                              | GREDE | KUMPULAN PERKHIDMATAN | KLAFIKASI PERKHIDMATAN |
|-----|--------------------------------------|-------|-----------------------|------------------------|
| 1.  | Pemandu Kenderaan<br>(Lelaki Sahaja) | H11   | Pelaksana             | Kemahiran              |

**KELAYAKAN PERMOHONAN / SYARAT LANTIKAN**

**PEMANDU KENDERAAN GREDE H11 (TETAP)**

| GREDE GAJI | GAJI MINIMUM | GAJI MAKSIMUM | KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN |
|------------|--------------|---------------|-----------------------------|
| H11        | RM 1,218.00  | RM 2,939.00   | RM 80.00                    |

**SYARAT LANTIKAN**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c)
  - (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3)/ Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; (Gaji permulaan ialah pada Gred H11: RM1,218.00)
  - (ii) Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3)/ Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
  - (iii) Lesen Memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)]; dan

(iv) Berkebolehan memandu, mengendalikan dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini. Gaji permulaan Gred H11 ditetapkan mengikut Kelas Lesen Memandu:

- a. Lesen D : RM1,264.15
- b. Lesen E/E1/E2 : RM 1,310.30
- c. Lesen F/H : RM 1,356.45
- d. Lesen G/I : RM 1,402.60

**SYARAT KELAYAKAN  
BAHASA MELAYU**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat PT3/PMR atau kelulusan yang diktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**DESKRIPSI TUGAS**

Bertanggungjawab melaksanakan skop tugas pemanduan kenderaan yang memerlukan lesen memandu yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan serta menjaga kenderaan/jentera di bawah kelolaannya supaya sentiasa berada dalam keadaan bersih dan selamat untuk setiap perjalanan. Antara kenderaan/jentera yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini ialah kereta, van, kenderaan ringan pacuan empat roda, bas, lori, *dumper*, *roller* dan traktor pertanian.

**TEMPOH PERCUBAAN  
DAN LATIHAN**

Pegawai adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun (1 bulan hingga 36 bulan) dan perlu mengikuti latihan dan Peperiksaan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENAKLUKAN DI  
BAWAH SYARAT-  
SYARAT SKIM  
PERKHIDMATAN**

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

Kemudahan seperti Cuti Rehat Tahunan, faedah rawatan perubatan, pinjaman, bantuan sara hidup (COLA) dan sebagainya tertakluk kepada peraturan kerajaan yang sedang berkuatkuasa.

## CARA PERMOHONAN DAN SYARAT-SYARAT:

1. Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Jawatan Kosong Pejabat Daerah Dan tanah pendang yang boleh didapati di Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Pejabat Daerah Dan Tanah Pendang dengan bayaran **RM 5.00 setiap borang**.
2. Setiap permohonan hendaklah disertakan dengan salinan dokumen-dokumen seperti berikut:-
  - i. Kad Pengenalan diri;
  - ii. Sijil Kelahiran;
  - iii. Sijil berhenti sekolah;
  - iv. Kelulusan Akademik (Sijil/Diploma/Ijazah)\*Mana yang berkaitan dengan Jawatan yang dipohon;
  - v. Satu (1) keping gambar terbaru berukuran passport; dan
  - vi. Dokumen-dokumen sokongan yang lain (Jika ada).
3. Setiap salinan dokumen di atas hendaklah diakui sah oleh Pegawai Kerajaan dalam kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Penghulu Mukim. Semua salinan sijil/dokumen hendaklah bersaiz A4.
4. Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan/Pihak Berkuasa Tempatan/Badan-Badan Berkanun hendaklah dibuat melalui **KETUA JABATAN** masing-masing dengan menyertakan Salinan Penyata Rekod Perkhidmatan yang kemaskini dan Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) terkini dan dihantar melalui majikan masing-masing.
5. Pemohon daripada anggota berjawatan tetap di gred yang sama dan sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Persekutuan, Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan adalah tidak dipertimbangkan.
6. Hanya calon-calon yang berkelayakan setelah ditapis dan didapati sesuai sahaja akan dipanggil untuk temuduga. Sebarang keputusan yang dibuat berkaitan dengan urusan ini adalah muktamad.
7. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
8. Borang Permohonan Jawatan yang telah lengkap hendaklah dihantar di dalam sampul surat berukuran 32sm x 22 sm. Di sudut atas sebelah kiri sampul hendaklah ditulis **NAMA JAWATAN** yang dipohon. Permohonan hendaklah sampai sebelum atau pada **28 Disember 2022 (RABU) Jam 12.00 Tengahari**.
9. Alamat permohonan dan tarikh tutup permohonan :

**Pegawai Daerah Pendang**  
**Pejabat Daerah Dan Tanah Pendang**  
**06700 Pendang**  
**KEDAH DARUL AMAN**  
**(u.p : Bahagian Pentadbiran dan Kewangan)**

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 28 DISEMBER 2022**

10. **CATATAN AM**

1. Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga. Sebarang keputusan yang dibuat berkaitan dengan urusan ini adalah muktamad.
2. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
3. Pemohon yang berjaya akan ditempatkan mengikut kepentingan perkhidmatan.
4. Sila patuhi arahan yang diberikan.